

Headline	Hubungi TNB jika terima tawaran mencurigakan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	20
ArticleSize	76 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,506		



Hubungi TNB jika terima tawaran mencurigakan

KUALA LUMPUR 11 Mei - Orang ramai dinasihatkan agar berwaspada sekiranya ditawarkan pekerjaan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) tanpa melalui proses pengambilan pekerja yang diamalkan syarikat tersebut.

Menurut TNB, pihaknya telah menerima aduan mengenai tawaran kerja oleh individu yang menyamar sebagai warga kerja TNB.

"Individu tersebut meminta sejumlah wang sebagai ganjaran kerja selain memajukan surat tawaran kerja palsu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Jelas TNB, pengambilan pekerja dibuat melalui iklan termasuklah di laman web TNB, www.tnb.com.my atau terus ke link <https://enadis.tnb.com.my> serta portal JobStreet.com dan bikkannya melalui individu tertentu.

"TNB juga tidak sama sekali meminta atau menerima sebarang pembayaran daripada pemohon kerana proses permohonan jawatan di TNB tidak membabitkan apa-apa bayaran," jelas syarikat itu.

Sekiranya menerima tawaran kerja yang mencurigakan, orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi TNB di talian 03-22966537 atau 03-22966818.